

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET TEMERLOH

DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

KES NO: CB-83D-1003-09/2020

PENDAKWARAYA

LWN

MUHAMMAD NUR FIKRI BIN JUAHARI

(NO. KP: 950713065787)

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Pada awalnya Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh sebagaimana pertuduhan (eksibit P1) seperti berikut:

*Bahawa kamu **pada 17 September 2020** jam lebih kurang 5 petang di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2 28000 Temerloh di dalam daerah Temerloh di dalam negeri Pahang Darul Makmur telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu dadah jenis methamphetamine seberat 10.66 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah s 39A(1) Akta yang sama (Akta234).*

Hukuman: Penjara tidak kurang 2 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun dan sebatan tidak kurang 3 sebatan tetapi tidak melebihi 9 sebatan.

[2] Namun di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan melalui penghujahannya telah membuat permohonan untuk meminda pertuduhan terhadap OKT iaitu menukar tarikh kejadian 17 September 2020 kepada 15 September 2020. Permohonan pindaan pertuduhan ini telah dibenarkan oleh mahkamah ini sebagaimana kuasa yang diberikan kepada



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

mahkamah di bawah Seksyen 158 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Pindaan pertuduhan berkenaan adalah seperti berikut:

*Bahawa kamu **pada 15 September 2020** jam lebih kurang 5 petang di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2 28000 Temerloh di dalam daerah Temerloh di dalam negeri Pahang Darul Makmur telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu dadah jenis methamphetamine seberat 10.66 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah s 39A(1) Akta yang sama (Akta234).*

Hukuman: Penjara tidak kurang 2 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun dan sebatan tidak kurang 3 sebatan tetapi tidak melebihi 9 sebatan.

KES PENDAKWAAN

[3] Pihak Pihak Pendakwaan telah mengemukakan 20 eksibit (seperti dalam senarai eksibit kes) dan telah memanggil 3 orang saksi memberi keterangan iaitu:

- SP1 - Puan Nur Liyana Zainol Abidin (Ahli Kimia)
- SP2 - Insp Mohd Azrul Nizam (Pegawai Serbuan)
- SP3 - Sjn Norsyazilah Shahrol (Pegawai Penyiasat)

[4] Fakta ringkas kes pendakwaan adalah seperti berikut:

1. OKT telah ditangkap pada 15.9.2020 jam lebih kurang 5.00 petang di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2 28000 Temerloh, Pahang.
2. Sebelum itu, Pegawai Serbuan (SP2) telah menerima maklumat berkaitan jual beli dadah. Kemudian SP2 sebagai pegawai operasi/serbuan telah mengadakan taklimat ringkas bersama anggota operasi/serbuan yang lain iaitu seramai 8 orang. Seterusnya mereka telah pergi ke tempat kejadian.
3. Setibanya di kawasan tempat kejadian, SP2 bersama Sjn Mustapha dan KI Zazali telah melakukan pemerhatian di sebalik rimbunan pokok-pokok di sebuah rumah kosong berhadapan dengan rumah No.2 tersebut yang mana jarak lebih kurang 5 meter dari dari tempat kejadian/ tangkapan. Keadaan cuaca pada masa itu adalah tidak hujan, keadaan tenang dan cerah.
4. Manakala anggota operasi lain iaitu seramai 4 orang berselindung di sebalik deretan kereta-kereta yang diparkir di tepi jalan sebelah kanan rumah No.2 tersebut yang mana jarak lebih kurang 5 meter dari tempat tangkapan.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

5. Baki lagi 2 anggota operasi berselindung di sebalik deretan kereta-kereta yang diparkir di tepi jalan sebelah hadapan kiri rumah No.2 tersebut yang mana jarak lebih kurang 10 meter dari tempat tangkapan.
6. Pemerhatian tersebut dibuat lebih kurang 10 minit dan sepanjang pemerhatian 10 minit tersebut, SP2 mendapati tiada pergerakan keluar masuk dari rumah No.2 tersebut. Kemudian SP2 melihat OKT menunggang motorsikal dan memarkir motorsikal di hadapan rumah No.2 tersebut. Apabila OKT telah turun dari motorsikal serbuan secara serentak dengan kawalan secara mengelilingi OKT. Keadaan OKT ketika serbuan adalah terkejut dan ketakutan.
7. Kemudian SP2 telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas OKT. Hasil pemeriksaan telah menjumpai dua paket plastik lutsinar – P5(A & B) berisi bahan disyaki dadah jenis syabu di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar panjang warna coklat jenama edwin – (P13) yang dipakai oleh OKT ketika itu. OKT kelihatan terkejut, cemas dan gelisah ketakutan.
8. Selesai pemeriksaan, P5(A & B) dimasukkan ke dalam sampul surat oleh SP2 dan disimpan ke dalam beg silang hitam yang dipakai oleh SP2. Seterusnya, kesemua barang kes dan OKT dibawa balik ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Temerloh. Barang kes pada setiap masa berada dalam kawalan SP2 sepenuhnya semasa dalam perjalanan pulang ke IPD dan OKT berada dalam kenderaan yang sama dengan SP2.
9. Setibanya di pejabat, SP2 telah membuat penandaan barang kes. Timbangan juga dibuat ke atas dua plastik barang kes dan anggaran berat adalah 16.10 gram. Selesai semua penandaan dan timbangan barang kes, SP2 membuat satu laporan polis iaitu repot Temerloh 4368/20 – (P15) dan menyediakan borang senarai geledah – (P14).
10. Pada jam lebih kurang 8.45 malam, SP2 telah menyerahkan OKT, barang kes dan dokumen berkaitan kepada pegawai penyiasat (SP3). SP3 telah memeriksa semua perkara yang diterima daripada SP2. Borang serah terima barang kes – P16 telah disediakan oleh SP2 dan menyerahkannya kepada SP3 sebagai pengakuan penerimaan kesemua barang kes sebagaimana P14.
11. SP3 sekali lagi membuat timbangan ke atas P5(A & B). Selepas berpuas hati barang kes dan OKT adalah sama, SP3 mengarahkan untuk OKT dimasukkan ke dalam lokap dan semua barang kes di simpan di dalam almari besi yang hanya boleh diakses oleh SP3 sahaja.
12. Pada 16.9.2022 jam 12.00 tengah malam, SP3 telah mengambil gambar barang kes – P7(A-E) menggunakan kamera PDRM (digital Canon EOS 500D) dan kemudiannya mencetak gambar tersebut menggunakan mesin cetak Fuji Film. Selepas itu, SP3 telah memasukkan P5(A-B) ke dalam 1 sampul surat bertanda NS – P4 dan dimateri cop PDRM dan juga seluar panjang warna coklat – P13 ke dalam 1 bag plastik PDRM bertanda NS1 – P12. Kemudian semua barang kes disimpan semula dalam peti besi.
13. Kemudian pada jam 9.00 pagi, SP3 telah menyiasat SP2 berkenaan kejadian tersebut, yang mana beliau mendapati SP2 telah mengetahui serbuan ke atas OKT di hadapan rumah no.2 tersebut setelah pemerhatian selama 10 minit dilakukan SP2 dan pasukannya. Ketika pemeriksaan fizikal ke atas OKT, SP2 telah menjumpai 2 paket plastik lutsinar yang berisi bahan disyaki dadah jenis syabu.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

14. Pada hari yang sama jam 4.00 petang, SP3 telah mendaftarkan barang kes P12 dan P13 dalam Pol 261 – P20 dan kemudian barang kes tersebut diserahkan kepada penjaga stor iaitu Kpl Khairul Idham untuk disimpan selamat dalam stor barang kes.
15. Pihak-pihak dalam kes ini bersetuju untuk Kpl Khairul Idham iaitu penjaga stor dalam kes ini tidak dipanggil kerana tiada pertikaian terhadap rantaian keterangan keluar masuk barang kes di stor barang kes.
16. Pada 17.9.2020 jam 9.00 pagi, SP3 bersama SP2 telah pergi ke tempat kejadian. Tiba di tempat kejadian tersebut, SP3 telah mengambil dua keping gambar tempat kejadian – P10(A-B) dan menyediakan rajah kasar tempat kejadian – P11.
17. Siasatan SP3 mendapati OKT telah ditangkap seorang diri di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2 28000 Temerloh, Pahang. Semasa bicara, tempat OKT ditahan ditanda "X" dalam P10. Kemudian SP3 telah serah barang kes P5(A-B) kepada Ahli Kimia (SP1) pada 24.9.2020.
18. Pada 24.9.2020 SP1 telah menerima sampul surat bertanda NS – P4 dalam keadaan bermeterai PDRM 217 berserta 1 borang permohonan analisa Polis 31 daripada SP3. P4 yang diterima adalah dalam keadaan baik dan sempurna. SP1 telah mendaftarkan barang kes tersebut dengan nombor makmal 20-FR-C-01936 dan mengeluarkan resit rasmi kimia bernombor makmal 20-FR-C-01936 – P3 bertarikh 24.9.2020 sebagai bukti penerimaan Jabatan Kimia Malaysia. P3 tersebut ditandatangani secara bersama oleh SP1 dan SP3. Kemudian, SP1 telah menyimpan sampul surat tersebut dalam kabinet berkunci di dalam bilik kebal bahagian forensik yang mana kunci dipegang oleh SP1.
19. SP1 telah memeriksa sampul surat – P4 dan kemudian mendapati terdapat di dalamnya 2 paket plastik lutsinar bertanda D1 dan D2 yang setiap satu mengandungi bahan kristal jernih.
20. SP1 menjalankan analisis ke atas barang-barang kes tersebut. SP1 melakukan penimbangan untuk mendapatkan berat bersih bagi kesemua bahan-bahan daripada paket plastik bertanda D1 dan D2 daripada sampul surat – P4. Setelah penimbangan dibuat, SP1 mendapati berat bersih bagi dua paket plastik lutsinar adalah 15.02 gram.
21. Bahan-bahan kristal jernih tersebut dijadikan serbuk yang homogen semasa dianalisis. Kemudian SP1 menjalankan ujian-ujian kimia ke atas serbuk yang telah dihomogenkan.
22. SP1 telah menjalankan ujian warna dengan menggunakan bahan uji marquis dan keputusannya adalah positif menunjukkan kemungkinan kehadiran bahan Amphetamine. Bahan ujian kedua ialah simons dan keputusannya adalah positif menunjukkan kemungkinan kehadiran bahan Methamphetamine.
23. Seterusnya SP1 telah menjalankan ujian pengesahan dengan menggunakan alat GC-MSD dan keputusannya menunjukkan kehadiran Methamphetamine dalam bahan kristal jernih daripada dua paket plastik bertanda D1 dan D2 tersebut.
24. Akhirnya SP1 menjalankan ujian kuantitatif dengan menggunakan alat GC-FID dan mendapati dalam bahan kristal jernih tersebut mengandungi 10.66 gram Methamphetamine.
25. Alatan GCMSD dan GCFID yang digunakan dalam ujian tersebut telah diselegarakan dan berada dalam keadaan yang baik dan optimum semasa digunakan.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

26. Setelah analisis selesai, SP3 memasukkan kesemua barang kes berserta baki analisis ke dalam satu paket plastik yang disediakan SP3 bertanda LZ – P6 dan kemudiannya memasukkannya dalam sampul surat bertanda NS – P4 dan SP3 telah memeteraikan P4 dengan label keselamatan Jabatan Kimia Malaysia. Selanjut SP1 menyimpan sampul surat tersebut di dalam kabinet besi berkunci milik SP1 di dalam bilik kebal.
27. SP1 telah mengeluarkan satu laporan kimia – P8 yang menyatakan berat bersih bahan Methamphetamine 10.66 gram. Methamphetamine adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.
28. Pada 1.12.2020 jam 11.00 pagi, laporan kimia – P8 dan P4 yang telah dimeterai Jabatan Kimia Malaysia telah diambil oleh Inp Syed Syril bagi pihak SP3 daripada SP1.

Beban Pembuktian Di Akhir Kes Pendakwaan

[5] Di akhir kes pendakwaan, adalah tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Tugas mahkamah pula ialah untuk membuat penilaian secara maksima semua keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan dan setelah penilaian ke atas keterangan saksi-saksi tersebut termasuk aspek kebolehpercayaan atau kredibiliti saksi-saksi, mahkamah hendaklah bertanya soalan sama ada sekiranya mahkamah memanggil OKT untuk membela diri dan jika OKT memilih untuk mendiamkan diri adakah mahkamah bersedia untuk menyabitkan OKT berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Sekiranya mahkamah tidak berada dalam kedudukan untuk berbuat demikian maka pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Oleh yang demikian, OKT berhak dilepaskan dan dibebaskan. Mahkamah merujuk kepada kes-kes; **(LOOI KOW CHAI & ANOR V. PP [2003] 1 CLJ 734; BALACHANDRAN V. PP [2005] 1 CLJ 85; PP V. MOHD RADZI ABU BAKAR [2006] 1 CLJ 457).**

Elemen-Elemen Pertuduhan

[6] Merujuk kepada Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang memperuntukkan kesalahan memiliki dadah seperti berikut;

(2) No person shall have in his possession, custody or control any dangerous drug to which this Part applies unless he is authorized to be in possession, custody or control of such drug or is deemed to be so authorized under this Act or the regulations made thereunder.

Maka berdasarkan seksyen 12(2) tersebut, intipati-intipati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah:



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- a) OKT mempunyai **milikan** terhadap dadah berbahaya sepertimana yang dipertuduhkan;
- b) Dadah yang dimiliki terkandung dan **disenaraikan di dalam ADB 1952**; dan
- c) OKT **tiada kebenaran** untuk memiliki dadah tersebut.

Dapatan dan Analisis Mahkamah

A. OKT MEMPUNYAI MILIKAN TERHADAP DADAH BERBAHAYA SEPERTIMANA YANG DIPERTUDUHKAN;

[7] Bagi pembuktian milikan dadah, mahkamah merujuk kepada kes **PP V. MUHAMMAD NASIR SHAHRUDIN [1994] 2 MLJ 576** yang memutuskan bahawa:

Possession is not defined in the DDA. However, it is now firmly established that to constitute possession, it is necessary to establish that: (a) the person had knowledge of the drugs; and (b) that the person had some form of control or custody of the drugs. To prove either of these two requirements, the prosecution may either adduce direct evidence or it may rely on the relevant presumptions under s 37 of the DDA.

Berdasarkan otoriti di atas, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut bagi membuktikan milikan dadah:

- i. Samada OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut; dan
- ii. Samada OKT mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut.

[8] Dalam kes **CHAN PEAN LEON v. PP [1956] 1 MLJ 237** mahkamah telah memberikan penjelasan terbaik berkenaan prinsip milikan (possession) yang mana ianya adalah berkaitan dengan konsep kawalan, jagaan dan pengetahuan sepertimana telah dijelaskan seperti berikut:

To put it otherwise, there is physical element and mental element which must be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on the table. It must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, or in other words, that he had some animus possendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

Samada OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut;

[9] Mahkamah berpendapat keterangan SP2 yang merupakan pegawai yang bertanggungjawab menangkap dan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap OKT adalah amat penting bagi pembuktian elemen ini. Berdasarkan keterangan SP2, mahkamah mendapati hanya OKT sahaja ditangkap dalam operasi di tempat kejadian tersebut. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan mendapati barang kes iaitu dua paket plastik lutsinar – P5(A & B) berisi ketulan dan serbuk disyaki dadah jenis syabu telah dijumpai di dalam poket bahagian hadapan sebelah kanan seluar warna coklat jenama Edwin – P13 yang dipakai oleh OKT. Mahkamah juga mendapati keterangan-keterangan ini konsisten dengan laporan polis yang dibuat SP2– P15. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan, kawalan dan penjagaan ke atas kedua-dua paket plastik lutsinar tersebut serta berkuasa penuh untuk menguruskan barang kes tersebut. Keadaan ini jelas terjumlah kepada OKT mempunyai milikan fizikal ke atas kedua-dua paket plastik lutsinar dan isi kandungannya tanpa perlu mahkamah ini bergantung kepada anggapan di bawah Seksyen 37(d) ADB 1952.

[10] Mahkamah juga mendapati berdasarkan siasatan SP3 ke atas OKT, SP2 dan di tempat kejadian menunjukkan bahawa dadah yang dijumpai adalah di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar warna coklat jenama Edwin yang dipakai OKT semasa hari kejadian tersebut. Tiada individu lain yang turut berada di hadapan rumah No.2 tersebut melainkan OKT dan pasukan serbuan. Pekara-pekerja ini dapat dirujuk kepada penyata saksi SP3 – P17 perenggan 10, 12 dan 13 serta semasa pemeriksaan balas SP3 oleh peguambela seperti berikut:

s	Setuju kalau saya cadangkan melalui siasatan dan briefing insp azrul nizam, dan melihat sendiri kepada pertuduhan kes ini, kejadian ini berlaku di hadapan rumah no.2, Taman Setia Jasa 16/2 Temerloh?
j	Ya
s	Setuju jika saya katakan siasatan terhadap rumah dan pemilik rumah ni penting sebab pertuduhan ni sebut alamat?
j	Tak setuju. Barang ada pada diri tertuduh semasa tangkapan. Tiada melibatkan rumah atau penghuni rumah.

s	Pada 15/9/2020, setuju pada hari tersebut puan ada jugak terima kes-kes lain sebagai pegawai penyiasat?
j	Tiada kes lain selain kes ADB780/20
s	Merujuk keterangan saksi puan m/s 3 para 12, puan ada buat siasatan lanjut tak kenapa OKT tidak mengakui barang dalam kocek tu bukan milik dia?
j	Ada.
s	Apa dapatan puan?
j	Hasil siasatan terhadap statement insp azrul dan OKT, didapati OKT memang bawa dadah tersebut semasa penahanan.
s	Setuju tak sepatutnya terlintas di fikiran puan yang ada kemungkinan barang dalam kocek tu barang orang lain?
j	Tidak



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[11] Pihak pembelaan cuba untuk menggoyahkan keterangan pendakwaan dengan menyatakan bahawa dadah tersebut dibaluti dengan plastik hitam dan dijumpai di dalam raga motorsikal yang dinaiki oleh OKT dan OKT tidak mempunyai pengetahuan berkenaan dadah tersebut. Peguambela meletakkan versinya kepada SP2 iaitu, OKT telah ditangkap dengan seorang lagi penama lelaki iaitu Hairul yang dipanggil Angah dan OKT telah diminta oleh seorang penama lelaki iaitu Omar untuk membawa barang yang dibaluti plastik hitam ke rumah No.2 tersebut yang dihuni oleh Angah.

[12] Pada peringkat ini, mahkamah mendapati cadangan peguambela tidak mampu mencabar dapatan mahkamah mengenai pemilikan OKT terhadap barang kes. Hal ini disebabkan versi pembelaan ini adalah tidak dipersetujui oleh saksi-saksi pendakwaan. Mahkamah merujuk kepada kes **PP v. CHIA LEONG FOO [2000] 6 MLJ 705** yang memutuskan seperti berikut:

As I explained in PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 1 MLRH 59; [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 AMR 2017 at p 121:

A suggestion in cross-examination can only be indicative of the case put forward or the stand taken by the party on whose behalf the cross-examination is being conducted, but to no extent whatsoever can it be a substitute for evidence if it is clearly repudiated by the witness to whom it is made. In this regard it was observed in Emperor v. Karimuddi Sheikh AIR 1932 Cal 373: 'mere suggestions by a pleader or advocate for the accused do not amount to evidence by the fact suggested, unless they are either partly or wholly accepted of the witness for the prosecution.

[13] Maka berdasarkan otoriti kes tersebut, mahkamah mendapati pembelaan hanya meletakkan cadangan kepada saksi pendakwaan. Versi pembelaan ini membantu untuk menentukan dapatan fakta yang dikemukakan oleh pendakwaan kerana saksi pendakwaan tidak bersetuju dengan cadangan peguambela yang mana tidak meruntuhkan naratif kes pendakwaan.

Samada OKT Mempunyai Pengetahuan Mengenai Kewujudan Dadah Tersebut;

[14] Dalam menentukan elemen milikan, adalah penting untuk mahkamah menilai sama ada OKT mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai oleh SP2 di dalam poket seluar yang dipakai OKT. Oleh yang demikian, tingkah laku OKT semasa SP2 menghampiri OKT dan memperkenalkan diri sebagai polis adalah penting untuk mahkamah membuat analisa dan pertimbangan. Dalam meneliti elemen pengetahuan, mahkamah bukan sahaja memberi perhatian kepada tingkah laku OKT sahaja malah ianya perlu dilihat secara menyeluruh dengan keadaan sekeliling.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[15] Dalam kes **IBRAHIM MOHAMAD & ANOR v. PP [2011] 1 MLRA 181** menyatakan seperti berikut:

[17] Whilst the conduct of the accused fleeing the scene may be a relevant factor to be considered, such a conduct however must be weighed against the circumstances of the case. This is because even an innocent man may feel panicky and try to evade arrest when wrongly suspected of committing a crime. It is a common instinct of self-preservation.

....

[20] Based on the above s 8(2) of the Evidence Act 1950, there are two types of conduct which is relevant, namely prior and subsequent conduct. Evidence of conduct is an equivocal act and is capable of more than one interpretation. Accordingly, evidence of conduct must not be referred to in isolation. Instead, conduct must be considered with other evidence or circumstances.

[16] Berbalik kepada kes ini, berdasarkan keterangan SP2 apabila OKT turun dari motorsikalnya SP2 dan pasukan telah melakukan serbuan serentak dengan kawalan secara mengelilingi OKT. Reaksi OKT adalah terkejut dan takut. Selanjutnya, SP2 menunjukkan kad kuasa polis dan meminta kad pengenalan OKT tetapi gagal diserahkan. Kemudian pemeriksaan fizikal mendapati barang kes disyaki dadah jenis syabu yang berisi dalam 2 paket plastik lutsinar telah dijumpai di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar yang dipakai OKT. Reaksi OKT ketika itu adalah cemas, gelisah dan takut.

[17] Berdasarkan keterangan SP2 tersebut, mahkamah berpendapat mengapa OKT berkelakuan terkejut pada situasi-situasi tersebut? Maka munasabah hanya individu yang mengetahui ada barang salah pada dirinya akan terkejut dalam situasi sebegini. Mahkamah berpendapat reaksi atau tingkah laku OKT tersebut adalah suatu yang relevan menurut Seksyen 8 Akta Keterangan 1950. Keterangan ini mewajarkan mahkamah membuat satu inferens iaitu OKT mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai di dalam poket seluar yang dipakainya.

[18] Dalam perkara ini mahkamah merujuk kepada kes **HENRY CHAN KOK LOON v. PP [2017] MLRAU 329** yang telah menyatakan:

[65] This act/conduct of the Accused (appeared afraid, agitated, walking aimlessly to and fro) is admissible and relevant under s 8 of the Evidence Act 1950. The Accused failed to explain his act/conduct as required under s 9 of the Evidence Act 1950, therefore attracting the inference that the Accused had the knowledge of the drugs in the trolley bag, P66. Section 9 of the Evidence Act 1950 states:



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

"9. Facts necessary to explain or introduce a fact in issue or relevant fact, or which support or rebut an inference suggested by a fact in issue or relevant fact, or which establish the identity of any thing or person whose identity is relevant, or fix the time or place at which any fact in issue or relevant fact happened or which show the relation of parties by whom any such fact was transacted, are relevant so far as they are necessary for that purpose."

Hence we find that the learned trial Judge did not err when she made the finding that the defence could not negate that he has knowledge of the dangerous drugs placed inside P66.

[19] Tambahan itu, mahkamah mendapati bahawa beberapa fakta kes pendakwaan yang menunjukkan OKT mempunyai pengetahuan terhadap kandungan barang kes tersebut seperti tempat barang kes dijumpai iaitu di dalam poket seluar OKT, keadaan tempat OKT ditangkap yang tenang tanpa individu lain dan kawasan OKT ditahan jam 5.00 petang yang mana keadaan tidak hujan dan cerah. Tambahan itu, SP2 dan pasukannya telah membuat pemerhatian selama 10 minit sebelum serbuan dibuat dan mendapati tiada pergerakan keluar masuk dari Rumah No.2 tersebut. Seterusnya terdapat keterangan senyap seperti paket plastik yang mengandungi bahan dadah tersebut adalah bersifat lutsinar dan OKT secara jelas boleh melihat kandungan barang kes tersebut. Malah, tiada keterangan di mahkamah yang menyatakan terdapat barang peribadi lain yang dijumpai pada OKT semasa pemeriksaan fizikal dijalankan kecuali barang kes dadah tersebut. Maka, inferens dapat dibuat berdasarkan keseluruhan fakta ini bahawa OKT mempunyai pengetahuan ke atas barang kes dadah yang dijumpai tersebut.

[20] Sehubungan itu, mahkamah memutuskan OKT mempunyai milikan fizikal ke atas barang kes dadah yang dijumpai oleh SP2 di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar warna coklat jenama Edwin yang dipakainya yang mana OKT mempunyai jagaan, kawalan dan juga pengetahuan ke atas dadah tersebut tanpa bergantung kepada anggapan di bawah Seksyen 37(d) ADB 1952 dan sekiranya OKT dipanggil untuk membela diri, bebanan perlu dibuktikan oleh OKT adalah hanya menimbulkan keraguan munasabah.

[21] Maka, mahkamah berpuas hati intipati pertama pertuduhan ini telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa keraguan munasabah.

B. DADAH YANG DIMILIKI TERKANDUNG DAN DISENARAIKAN DI DALAM ADB 1952

[22] Dalam kes ini, SP1 adalah ahli kimia bertauliah dan beliau telah menjelaskan secara terperinci analisa yang telah dijalankan. Dalam apa jua keadaan, jika keterangan Ahli Kimia adalah kredibel, mahkamah boleh menerima keterangan tersebut. Hanya apabila keterangan tersebut adalah tidak kredibel atau pembelaan telah memanggil saksi pakar lain untuk



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

mencabar pendapat Ahli Kimia, maka mahkamah berhak menolak keterangan Ahli Kimia tersebut. Perkara ini ada dinyatakan dalam kes **MUNUSAMY VENGADASALAM v. PP [1987] 1 MLJ 492** yang memutuskan bahawa:

As a rule, a chemist in drug cases does not give any opinion as to ownership, control or possession of the substance sent for analysis, but he merely reports the result of the chemical examination of the substance. The only reason for sending the exhibits to the chemist is to determine their identity and to confirm what other witnesses have suspected. This type of opinion must in our view be distinguished from opinions which are of very technical or complicated nature, such as those given by handwriting, trade mark, copy right or ballistic experts...We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step...

[23] Berbalik kepada kes ini, hasil analisa SP1 melalui laporan kimia – P8 jelas menunjukkan barang kes dadah yang dirampas pada tempat kejadian tersebut adalah dadah jenis Methamphetamine seberat 10.66 gram. SP1 menyatakan bahawa dadah jenis Methamphetamine merupakan dadah berbahaya yang tersenarai di bawah Jadual Pertama ADB 1952. SP1 menegaskan bahawa semasa penerimaan dan analisa dijalankan, dadah tersebut sentiasa berada dalam kawalan dan simpanan SP1 sehinggalah dikembalikan kepada SP3 melalui Insp Syed Syril. Mahkamah mendapati keterangan SP1 tiada kecacatan dan sempurna. Mahkamah mendapati pengendalian barang kes dadah yang melibatkan saksi-saksi pendakwaan menunjukkan bahawa rantai keterangan mengenai barang kes tidak terputus sebelum dihantar kepada SP1 malahan sehingga dikemukakan ke mahkamah ini. Maka, mahkamah berpuas hati intipati kedua pertuduhan ini telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa keraguan munasabah.

C. OKT TIADA KEBENARAN MEMILIKI DADAH TERSEBUT

[24] Mahkamah juga berpuas hati bahawa OKT bukanlah orang yang telah diberikan kuasa ataupun kebenaran untuk memiliki barang kes tersebut sepertimana dikehendaki undang-undang. Selain itu, berat bersih dadah dalam pertuduhan ini juga melebihi 5 gram yang mana hukuman adalah berdasarkan Seksyen 39A(1) ADB 1952.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ISU-ISU BERBANGKIT

Pematuhan Seksyen 37(j) ADB 1952

[25] Mengenai isu sama ada SP1 telah menggunakan sampel perwakilan yang mencukupi dalam menjalankan ujian mengikut Seksyen 37(j) ADB 1952. Mahkamah berpendapat kes **LOO KIA MENG V. PP [2003] MLJ 664** yang dirujuk oleh pihak pembelaan adalah tidak bertepatan untuk mahkamah ini bersandar. Dalam kes tersebut 20 contoh sembarang yang diambil oleh ahli kimia mungkin lebih atau kurang daripada 10% yang mana telah menyebabkan Mahkamah Rayuan berada dalam keraguan mengenai jumlah contoh yang diuji. Sehubungan itu, manfaat keraguan tersebut telah diberikan kepada tertuduh (perayu) yang mana pertuduhan mengedar dadah telah diturunkan kepada pertuduhan pemilikan.

[26] Kembali kepada kes di hadapan mahkamah ini, SP1 semasa pemeriksaan balas menyatakan kepada mahkamah seperti berikut:

s		Tadi puan ada kata puan ambil sampel perwakilan, berapa peratusan sampel perwakilan yang puan ambil?
j		Anggaran 7 sampel perwakilan yang saya ambil, kurang daripada 10% daripada berat bahan
s		Untuk semua?
j		Untuk kesemua berat bersih bahan.

[27] Berdasarkan keterangan SP1 di perenggan [26], mahkamah mendapati pemeriksaan balas peguambela berkenaan isu tersebut hanya termati di situ sahaja. Maka, mahkamah ini perlu membuat pertimbangan sewajarnya dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes **CHU TAK FAI V. PP [2007] 1 MLJ 201** yang telah memberikan penghakiman berbeza berkenaan isu ini dan menolak untuk mengikut keputusan kes **LOO KIA MENG**. Mahkamah Persekutuan memutuskan adalah terpulang kepada ahli kimia dalam menentukan jumlah bahan yang perlu dianalisa untuk mendapatkan nilai atau keputusan yang tepat dalam keadaan ahli kimia menepati prosedur analisa yang ditentukan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Dalam keadaan di mana tiada keterangan yang tidak boleh dipercayai, maka hasil ujian ahli kimia harus diterima. Mahkamah telah menyatakan:

[19] In any event it is our view that the ten per centum stipulated in s 37(j) refers to the number of receptacles and not the total weight of the drug found or the total amount or weight of the samples taken for analysis. s 37(j) only requires the taking of samples from ten per centum of the total number of the receptacles and not the drug. It is for the chemist to determine the sufficiency of the weight of the drug required for the analysis. This has been lucidly explained in Gunalan Ramachandran & Ors v. Public Prosecutor [2004] 2 MLRA 180; [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551; [2004] 6 AMR 189 with which we agree.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[20] On the sufficiency of the evidence of the chemist, we wish to reiterate that the court is entitled to accept the evidence of the chemist on its face value without the necessity for him to go into details of what he did in the laboratory step by step unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true or the defence calls evidence in rebuttal by another expert (see Balachandran,; Munusamy v. Public Prosecutor [1986] 1 MLRA 292; [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ 221; Public Prosecutor v. Lam San [1991] 1 MLRA 219; [1991] 3 MLJ 426; [1991] 1 CLJ 391 and Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor and another appeal [1993] 1 MLRA 701; [1994] 1 MLJ 265; [1994] 2 CLJ 151; [1994] 1 AMR 323).

[21] With regard to the chemist's evidence in Leong Bon Huat, Abdul Hamid Mohamad JCA (as he then was) said in Gunalan a/1 Ramachandran, at p 516:

With greatest respect, I find that the judgment of the Supreme Court in that case is not an authority for saying that the law requires that 10% of the total weight of the drug must be tested. No reference was also made to Public Prosecutor v. Lam San. With respect, the judgment seems to focus on the interpretation of the words 'more than 10%' used by the chemist as if it is a statutory provision or a clause in a contract. The point is, there is no provision whatsoever in the Act which requires at least 10% of the total weight of the substance in question to be taken out for the purpose of analysis. As seen in Public Prosecutor v. Lam San, the 10% is nothing more than the practice among chemists.

The above view was shared by Abdul Aziz Mohamad JCA (as he then was) in a separate judgment in the same case at p 527 when he said:

No law or statute has laid down the process which a chemist is bound to use in order to prove the nature of a substance as being or as containing a particular dangerous drug or the [2006] 2 MLRA 317; [2007] 1 MLJ 201 at 275; [2006] 4 CLJ 931; [2006] 6 AMR 721 weight of the dangerous drug in a bulk of the substance. The process belongs to the realm of science and is devised according to the discipline and principles of science.

It is to be noted that the above observations of the learned judges have since received approval sub silentio from the Federal Court (see Gunalan Ramachandran & Ors v. Public Prosecutor [2006] 1 MLRA 97; [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857; [2004] 6 AMR 189). With respect, we agree with the views of both the learned judges. It is clear therefore that there is no requirement for the amount or the weight of the samples of the drug to be taken for the purpose of analysis by the chemist. It is up to the chemist to carry out the analysis scientifically. It is also for the chemist to determine the adequacy of samples for the purpose of analysis. If the defence wishes to challenge the sufficiency of the weight of the drug analysed the chemist's evidence must be challenged and evidence in rebuttal must be led, if necessary.

[22] In Public Prosecutor v. Ooi Teng Chian [2005] 2 MLRA 199; [2006] 1 MLJ 213; [2005] 4 CLJ 557; [2006] 2 AMR 136, the chemist (SP2) in her examination-in-chief stated that the weight of the samples did not reach 10% of the weight of the heroin or monoacetylmorphines because in the scientific analysis there is no authority that 10% of the samples must be taken. According to her, the result of the analysis would be the same regardless of whether the weight



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

of the samples taken for the analysis is less than 10% or exceed 10% of the weight of the drugs. This is what she said in answer to the question at p 226 of the report:

S: Adakah berat sampel-sampel tersebut telah mencapai 10% daripada keseluruhan berat peratusan heroin dan monoacetylmorphines tadi?

J: Jumlah berat sampel-sampel tersebut tidak mencapai 10% daripada berat heroin atau monoacetylmorphines kerana dalam analisis secara scientific tidak ada othoriti yang mewajibkan pengambilan sampel sebanyak 10%. Saya tidak perlu mengambil sampel sebanyak 10% kerana sampel yang melebihi 10% berat memberikan keputusan yang sama dengan keputusan yang diberikan oleh sampel yang kurang 10% berat. Peratusan sampel tidak memberikan keputusan yang berbeza. Saya telah mengambil sampel yang mencukupi untuk tujuan analisis berdasarkan standard operation procedure yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Standard Operation Procedure ini adalah berdasarkan United Nations Manual dan diikuti oleh semua cawangan Jabatan Kimia Malaysia...

In that case, there was no evidence in rebuttal against her evidence and as such, her evidence was accepted by the court. The Court of Appeal (Richard Malanjum, Hashim Yusoff and Augustine Paul JJCA (as they then were)) found that the chemist had followed the correct procedure in carrying out the analysis as was explained in Gunalan a/1 Ramachandran. And it follows therefore that the samples analysed by the chemist are sufficient in law to support her conclusion.

[23] Therefore, with profound respect, Loo Kia Meng, supra, insofar as it holds that a minimum of 10% of the drug must be taken for analysis and Leong Bon Huat, supra, insofar as it holds that the chemical tests must be carried out on adequate quantities (samples) of the drug, are decisions with which we are unable to agree and they should not be followed.

[24] Hence, the chemist in the present case cannot be faulted and his testimony is not defective. Accordingly, the applicants reliance on Loo Kia Meng is misconceived.

[28] Bersandarkan kepada nas kes Mahkamah Persekutuan tersebut, mahkamah ini berpuas hati SP1 telah menggunakan sampel perwakilan yang mencukupi dalam menjalankan ujian saintifik. Sehubungan itu, jenis dan berat dadah berbahaya yang menjadi asas pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa keraguan munasabah.

Kredibiliti Saksi-Saksi Polis

[29] Peguambela telah membangkitkan isu kredibiliti saksi polis iaitu SP3 kerana dilihat perilaku SP3 yang defensif dan cuba mengelak menjawab soalan. Mahkamah meneliti dengan cermat keterangan-keterangan yang dirujuk peguambela (seperti dalam hujahan bertulis) tersebut di samping mahkamah ini juga berpeluang melihat demenour saksi ini pada setiap pemeriksaan oleh TPR mahupun Peguambela. Mahkamah mendapati SP3 adalah saksi yang jujur dalam memberi jawapan walaupun kadangkala sedikit gugup. Mahkamah



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

berpendapat kegugupan yang kelihatan tersebut tidak semestinya membuktikan bahawa saksi berkenaan tidak boleh dipercayai atau menyatakan beliau tidak bercakap benar di mahkamah.

[30] Dalam menentukan kredibiliti saksi pendakwaan, mahkamah ini telah mempertimbangkan keterangan yang ada secara keseluruhan. Mahkamah mendapati fakta-fakta material yang disandarkan bagi tujuan membuktikan setiap intipati kesalahan serta fakta-fakta sampingan lain yang relevan telah menunjukkan kejadian yang berlaku seperti yang dibentangkan melalui saksi-saksi pendakwaan. Keterangan yang dikemukakan oleh SP3 tidak berjaya digugat malah tetap kukuh walaupun diasak bertubi-tubi oleh peguambela. Jawapan yang diberikan adalah konsisten dengan apa yang sebenarnya berlaku terutamanya di mana dadah ditemui.

[31] Pihak pembelaan juga membangkitkan isu kelompongan dalam rantai keterangan barang kes yang menjejaskan identiti dadah yang dirampas apabila semasa pemeriksaan balas SP2 menyatakan bahawa beliau menggunakan sampul kertas A4 untuk membaluti barang kes dadah yang dirampas dan beliau ingat sampul kertas A4 yang digunakan dalam kes ini untuk membezakannya dengan barang kes lain yang disimpan dalam beg silang beliau sebelum sampai ke IPD Temerloh. Peguambela berhujah bahawa sampul kertas A4 tersebut gagal ditanda dan dikemukakan di mahkamah bagi meyokong keterangan SP2.

[32] Sehubungan itu, adalah baik mahkamah ini menurunkan keterangan pemeriksaan balas SP2 tersebut seperti berikut:

s	setuju bahawa disebabkan insp buat tandaan barang di balai, ada kemungkinan barang dadah yang insp rampas dr okt ini bercampur dengan barang dadah yang tuan rampas dr orang-orang lain yang berada dalam beg sling insp
j	tidak setuju
s	apa yang terdapat dalam beg insp pada masa itu
j	dompet dan telefon saya sahaja
s	rampasan barang kes tangkapan sebelum okt ini, insp letak di mana
j	dalam sampul yang kita bahawa sendiri kemudian letak dalam beg saya
s	bagaimana insp membezakan barang kes ini dengan barang kes rampasan dari orang lain
j	sampul. Setiap rampasan sampul lain -lain.
s	sampul yang macam mana
j	sampul saya buat sendiri guna A4 paper, kita stapler sahaja, ikut saiz rampasan kemudian letak dalam beg
s	cara simpan juga berbeza ke
j	ya berbeza, tidak bercampur. rampasan kes ini ada sampul dia, rampasan lain guna sampul lain. cuma disimpan dalam beg yang sama
s	walaupun kita letak barang kes dalam sampul yang berbeza namun tandaan kita buat di balai, so macam mana insp nak pastikan barang tersebut tidak bertukar
j	saya cam setiap rampasan saya buat tersebut. Barang kes yang ini okt ini, barang kes yang lain okt yang lain. Saya camkan.
s	tandaan insp buat di balai, so macam mana pastikan barang tersebut memang tidak bertukar
j	sebab barang sentiasa dengan saya, memang tidak akan bertukar. Melainkan barang ini saya bagi orang pegang
s	mungkin insp tak faham soalan saya, maksud saya bertukar dalam beg



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

j		saya yakin tidak bertukar dalam beg
s		maksudnya guna kertas A4 sebagai sampul, walaupun tiada tandaan
		tidak akan bertukar dalam beg, sebab kita yang letak dalam beg memang kita akan ingat.

[33] Berdasarkan keterangan SP2 semasa pemeriksaan balas seperti di atas, tiada alasan yang munasabah bagi mahkamah untuk tidak mempercayai keterangan SP2 tersebut kerana tidak ada sesuatu yang mustahil dalam keterangan saksi ini dan tidak masuk akal bagi mahkamah ini untuk meragui kredibiliti SP2. Fakta yang dikemukakan oleh SP2 tersebut tidak menimbulkan keraguan kepada mahkamah pada peringkat ini. Malahan keterangan SP2 adalah konsisten dan dilihat tidak sama sekali mengubah keterangannya semasa dicabar sewaktu pemeriksaan balas.

[34] Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa testimoni oleh SP2 berkenaan rangkaian barang kes tersebut adalah boleh dipercayai. Justeru, mahkamah berpendapat rangkaian keterangan mengenai barang kes tidak terputus. Dapatan mahkamah ini adalah bahawa dadah yang dirampas oleh SP2 daripada OKT hari kejadian merupakan dadah yang sama yang telah dihantar kepada SP1 oleh SP3 untuk dianalisis dan selanjutnya dikemukakan di mahkamah semasa hari bicara.

[35] Kesimpulannya, mahkamah ini mendapati bahawa SP2 dan SP3 bukan merupakan saksi yang berkepentingan tetapi mereka merupakan pegawai polis yang telah menjalankan tanggungjawab secara profesional bermula dari peringkat serbuan, tangkapan, siasatan dan sehingga memberi keterangan di mahkamah.

Pindaan Pertuduhan

[36] Pihak pendakwaan semasa penghujahan di akhir kes pendakwaan telah memohon kepada mahkamah untuk menggunakan kuasa budi bicara di bawah Seksyen 158 KTJ meminda tarikh kejadian pada pertuduhan – P1 iaitu 17.9.2020 kepada 15.9.2020. Selanjutnya, peguambela membangkitkan isu adakah wajar mahkamah ini menggunakan kuasa budi bicara di bawah Seksyen 158 KTJ untuk meminda tarikh 17.9.2020 yang terdapat pada pertuduhan – P1 kepada 15.9.2020. Peguambela berhujah sepanjang kes pendakwaan berlangsung tiada keterangan saksi mahupun keterangan dokumentar yang membuktikan kejadian berlaku pada 17.9.2022. Maka, ianya telah memutuskan rangkaian keterangan kes pendakwaan. Di samping itu, permohonan pihak pendakwaan untuk mahkamah menggunakan kuasa budi bicara tersebut selepas kes pendakwaan ditutup, sebenarnya bertujuan menutup kegagalan yang telah dilakukan oleh pihak pendakwaan supaya



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

mengendalikan kes pendakwaan dengan tekun dan cermat dan menafikan hak pihak pembelaan untuk memanggil semula saksi pendakwaan di bawah Seksyen 162 KTJ.

[37] Berbalik kepada kes ini, persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah adakah ini selamat dilakukan selepas kes pendakwaan ditutup dan pihak pendakwaan hanya memohon kepada mahkamah ini semasa semasa penghujahan di akhir kes pendakwaan? Pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah berkenaan tarikh kejadian adalah dibuat menurut Seksyen 158 KTJ yang jelas memberi kuasa membenarkan mahkamah ini untuk berbuat demikian sebelum penghakiman dibuat dan ianya adalah dalam bidang kuasa mahkamah untuk berbuat demikian. Di samping itu, mahkamah berpendapat peringkat yang paling sesuai untuk pindaan ke atas pertuduhan dibuat dalam kes ini adalah pada akhir kes pendakwaan setelah keseluruhan keterangan lansung dan keterangan dokumentar dikemukakan. Mahkamah ini mengambil panduan kepada nas-nas kes (**PP V. JORGE ENRIQUE PELLON TELLON [1998] 1 MLRA 570; PUBLIC PROSECUTOR V. SALAMAH ABDULLAH AND PUBLIC PROSECUTOR V. ONG ENG KIAT [1947] 1 MLRH 619**). Sungguhpun nas-nas ini melibatkan pindaan pertuduhan kepada penggantian pertuduhan jenayah yang berlainan di akhir kes pendakwaan yang mana berbeza dengan situasi kes di hadapan mahkamah ini, namun tujuan utama pindaan pertuduhan dibenarkan oleh mahkamah atasan tersebut adalah bagi menyesuaikan pertuduhan tersebut dengan keterangan dan fakta yang telah dibuktikan di samping mahkamah perlu memastikan bahawa ianya tidak memprejudiskan OKT.

[38] Setelah meneliti hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini berpendapat pindaan tarikh kejadian tersebut adalah tidak mendatangkan satu kegagalan keadilan terhadap OKT kerana pindaan dibuat setelah saksi pegawai serbuan/tangkapan SP2 memberi keterangan dan disokong oleh keterangan saksi pegawai penyiasat SP3 yang mana mewajarkan pindaan dibuat, selari dengan keterangan yang telah diberikan. Mahkamah mendapati keterangan SP2 dan SP3 berserta eksibit borang senarai geledah – P14 dan laporan polis pengadu – P15 jelas menunjukkan kejadian berlaku pada 15.9.2020 dan bukannya pada 17.9.2020. Pindaan hanya melibatkan kesilapan tarikh kejadian yang masih tidak jauh dari tarikh asalnya iaitu hanya sela dua hari sahaja. Mahkamah berpendapat, kedudukan adalah berbeza jika pihak pendakwaan memohon meminda tarikh pertuduhan yang jauh terkeluar dari tarikh asal.

[39] Selain itu, mahkamah mendapati pindaan tersebut dibuat bukan kerana wujudnya fakta baru mengenai kejadian tetapi hanya kesilapan pada tarikh kejadian sahaja. Fakta mengenai kejadian khususnya penemuan dua paket plastik lutsinar – P5(A & B) yang berisi bahan disyaki dadah jenis syabu di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar panjang warna coklat jenama edwin – (P13) yang dipakai oleh OKT ketika itu yang terzahir melalui keterangan SP2 masih kekal utuh. Tambahan itu, pekara berkenaan tarikh kejadian telahpun diberi peluang



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

disoal balas oleh peguambela ke atas SP2 dan SP3 yang mana kedua-dua saksi ini telah mengemukakan tarikh kejadian adalah pada 15.9.2020 sejak awal kes pendakwaan. Di sini mahkamah juga mendapati keterangan kejadian berlaku pada tarikh 15.9.2020 tidak pernah dicabar atau dibangkitkan oleh peguambela pada sepanjang kes pendakwaan. Maka mahkamah berpendapat bahawa OKT memang telah mempunyai pengetahuan penuh bahawa atas kejadian pada tarikh tersebut, dirinya kini menghadapi pertuduhan di mahkamah. Oleh itu, adalah wajar mahkamah ini membuat pindaan untuk menyesuaikan dengan keterangan yang diberikan oleh SP2 dan SP3.

[40] Di samping itu, sungguhpun terdapat kegagalan pada pihak pendakwaan dalam menyatakan dengan tepat tarikh kejadian tersebut, namun mahkamah berpendapat ianya tidak membawa padah kepada kes pendakwaan. Kegagalan tersebut termasuk dalam kesilapan yang tidak material dan ianya boleh diubati di bawah Seksyen 156 KTJ sepertimana misalan (d) seksyen yang sama. Sehubungan itu, dengan menggunakan budi bicara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 158 KTJ, mahkamah ini telah meminda pertuduhan bagi kes ini seperti yang berikut:

*Bahawa kamu pada **15 September 2020** jam lebih kurang 5 petang di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2 28000 Temerloh di dalam daerah Temerloh di dalam negeri Pahang Darul Makmur telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu dadah jenis methamphetamine seberat 10.66 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah s 39A(1) Akta yang sama (Akta234).*

[41] Pertuduhan pindaan itu kemudiannya telah dibacakan dan diterangkan kepada OKT. Mahkamah berpuashati bahawa OKT faham sebab dan akibat pertuduhan pindaan yang telah dibacakan dan diterangkan kepadanya. OKT memohon untuk dibicarakan ke atas pertuduhan pindaan tersebut sebagaimana yang telah dipinda oleh Mahkamah ini.

Keputusan Mahkamah

[42] Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie pemilikan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 10.66-gram terhadap OKT di bawah Seksyen 12(2) ADB 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A (1) Akta yang sama sepertimana pertuduhan yang dipinda Mahkamah atas alasan-alasan seperti yang dinyatakan di atas. Mahkamah kemudiannya telah memerintahkan supaya OKT membela diri atas pertuduhan seperti yang telah dipinda.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

KES PEMBELAAN

[43] Di peringkat kes pembelaan, mahkamah ini perlu menimbangkan sama ada keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pembelaan mewujudkan apa-apa jua keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Tugas pihak pembelaan di peringkat ini hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan.

[44] Setelah diperintah membela diri ke atas pertuduhan pindaan tersebut, tiga pilihan yang tersedia kepada pembelaan telah diterangkan dan dijelaskan oleh mahkamah. OKT memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. OKT juga telah memanggil dua orang saksi pembelaan. Kedua-duanya telah memberikan keterangan menggunakan penyata saksi.

[45] Secara ringkas kes pembelaan adalah seperti berikut:

- a) SD1 (OKT) merupakan kawan baik kepada SD2. Mereka berdua telah menjalin persahabatan selama lebih 10 tahun.
- b) Pada 15.9.2020 sekitar jam 4 petang di Pejabat Pos Chenor, SD1 telah diminta oleh Omar yang juga merupakan kawan SD1 melalui satu panggilan telefon untuk menghantar barang kepada SD2 di rumah SD2 di Taman Setia Jasa. Permintaan Omar telah ditolak oleh SD1 kerana kesibukan pada hari tersebut.
- c) SD1 dalam perjalanan pulang menaiki motorsikal ke rumah di Felda Kampung Awah telah terserempak dengan Omar yang sedang menaiki motorsikal sekitar jam 4.40 petang di hadapan Masjid Felda Kampung Awah.
- d) Sewaktu terserempak, Omar merayu kepada SD1 untuk menolongnya menghantar barang kes yang dibungkus dengan plastik hitam kepada SD2. Dalam keadaan yang kelam kabut, Omar telah meletakkan barang yang hendak dihantar tersebut ke dalam raga motor SD1 dan kemudian berlalu pergi sahaja.
- e) Kemudian SD1 terus pergi ke rumah SD2 untuk menghantar bungkusan hitam tersebut.
- f) SD1 tiba di hadapan rumah SD2 pada sekitar jam 4.50 petang. Ketika itu SD1 melihat SD2 sedang duduk di kerusi di hadapan rumahnya. SD1 yang masih berada di atas motornya memaklumkan bahawa beliau sempat berbual sekejap dengan SD2 yang sedang duduk di kerusi.
- g) Sewaktu perbualan tersebut, tiba-tiba telah datang 4 orang lelaki dari semak samun sekitar rumah tersebut dan meluru ke arah SD1 dan menangkap SD1. Mereka kemudian memperkenalkan diri sebagai anggota polis IPD Temerloh.
- h) SD1 memaklumkan bahawa polis telah merampas bungkusan plastik hitam yang berada dalam raga motornya. Polis kemudian membuka bungkusan tersebut dan SD1



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

terkejut terdapat dadah di dalam plastik hitam tersebut. SD1 terus memaklumkan bahawa barang tersebut adalah kepunyaan Omar dan beliau diminta oleh Omar untuk menghantar barang tersebut kepada SD2.

- i) Pada setiap masa yang material SD1 menegaskan bahawa beliau tidak mengetahui is kandungan plastik hitam tersebut.
- j) Kemudian SD1 telah dibawa ke IPD Temerloh bersama bungkusan tersebut menaiki sebuah van. Di dalam van tersebut terdapat 4 orang lain yang telah ditangkap berkenaan kes dadah termasuk SD2.
- k) SD1 menegaskan bahawa beliau telah dijadikan kambing hitam untuk menghantar bungkusan tersebut kepada SD2 dalam strategi pihak polis menangkap Omar.
- l) SD1 menyatakan bahawa Omar mengetahui bahawa polis akan menangkapnya jika beliau sendiri mengantar sendiri bungkusan tersebut kepada SD2. SD1 juga memaklumkan bahawa Omar telah ditangkap polis tidak lama selepas SD1 ditangkap dan kini Omar menjalani hukuman penjara di Penjara Penor.
- m) SD2 memaklumkan bahawa beliau telah ditangkap oleh polis di rumah Epi di Batu 4 Jalan Maran, sekitar waktu tengahari pada 15.9.2022. Polis telah menangkap mereka berdua berkaitan kes dadah.
- n) Sejurus ditangkap polis, Tuan Azrul (SP2) telah mengarahkan SD2 untuk menghubungi Omar untuk memerangkap beliau. SD2 memaklumkan bahawa Omar dalam pemerhatian polis namun polis masih gagal menangkap beliau. SP2 telah merangka strategi menangkap Omar dengan menggunakan SD2 sebagai orang hubungan bagi urusan jual beli dadah.
- o) SD2 diarahkan untuk menghubungi Omar supaya Omar datang ke rumah SD2 bagi satu urusan jual beli dadah. Omar telah bersetuju untuk datang ke rumah SD2 bagi urusan tersebut.
- p) Kemudian, SD2 dan pasukan polis terus bergerak ke rumah SD2. Sekitar jam 4 petang mereka semua telah tiba di rumah SD2. Ibu Bapa SD2 tiada di rumah ketika itu dan polis berkeliaran keluar masuk rumah SD2 tersebut bagi menyusun strategi untuk menyerbu Omar.
- q) Pada jam lebih kurang 4.50 petang, SD2 duduk di kerusi di halaman luar rumah dalam kawasan parking kereta sambil menunggu kehadiran Omar. Pihak polis pula bersembunyi di sekitar rumah SD2.
- r) Kemudian, SD2 terkejut yang datang ke rumahnya adalah SD1 dan bukan Omar. Setiba SD1 di rumahnya beliau telah mengajak SD1 untuk masuk ke rumah berbual tetapi telah ditolak SD1 kerana beliau ada urusan lain.
- s) Semasa mereka bersembang SD1 telah diserbu polis. Ketika itu SD1 berada di atas motorsikalnya. SD2 memaklumkan beliau nampak polis telah merampas satu



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

bungkusan plastik hitam yang berada di dalam raga motorsikal SD1. Bungkusan tersebut dibuka polis dan menjumpai dadah di dalamnya. Mereka semua kemudiannya dibawa ke IPD Temerloh.

- t) SD1 telah terperangkap dalam strategi polis untuk menangkap Omar. SD2 percaya bahawa SD1 telah dijadikan kambing hitam oleh Omar bagi mengelak dirinya ditangkap dan SD1 tidak mengetahui isi kandungan bungkusan plastik hitam.

Beban Pembuktian Di Akhir Kes Pembelaan

[46] Seterusnya, undang-undang adalah jelas di akhir kes pembelaan bahawa OKT hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi mendapatkan perintah pembebasan dan pelepasan. Dalam perkara ini juga, Mahkamah mengapakai kepada ujian atau prinsip undang-undang mantap dan tersohor seperti yang dinyatakan di dalam kes **MAT V. PP [1963] 1 MLJ 263:**

The correct law for Magistrates to apply is as follows. If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

The position may be conveniently stated as follows: -

- (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt... Convict.*
- (b) If you accept or believe the accused's explanation... Acquit.*
- (c) If you do not accept or believe the accused's explanation... Do not convict but consider the next steps below.*
- (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt... Convict.*
- (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt... Acquit.*

[47] Namun begitu, perlu diambil perhatian bahawa keraguan yang munasabah ini hendaklah berasaskan keterangan yang boleh diterima di mahkamah dan keraguan yang dimaksudkan di sini juga bukanlah satu keraguan yang terhasil daripada fikiran terkemudian dan penafian semata-mata.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Dapatan Mahkamah dan Analisis Mahkamah

[48] Undang-undang mantap menyatakan bahawa di peringkat kes pembelaan OKT hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan bagi membolehkan OKT dibebaskan. Berdasarkan peruntukan Seksyen 182A (1) KTJ, mahkamah ini perlu menimbang semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya iaitu keterangan OKT, keterangan SD2 dan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah.

[49] Mahkamah mendapati versi kes pendakwaan dan versi kes pembelaan mengenai kejadian ini adalah berbeza. Walaubagaimanapun dalam situasi sebegini, tugas mahkamah ini bukan menentukan versi mana yang hendak dipercayai tetapi adalah samada pembelaan OKT telah menimbulkan satu keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[50] Pembelaan OKT bahawa beliau ditangkap oleh polis di hadapan rumah No.2 Taman Setia Jasa 16/2, 28000 Temerloh pada 15 September 2020 dan barang kes dadah yang dibaluti plastic hitam dijumpai oleh polis di dalam raga motorsikalnya. OKT memaklumkan bahawa plastic hitam yang mengandungi dadah tersebut bukan kepunyaannya dan beliau tidak mengetahui berkenaan kandungan plastic hitam tersebut. OKT hanya disuruh oleh Omar untuk menghantar plastic hitam tersebut kepada SD2. OKT menegaskan bahawa beliau merupakan kambing hitam dalam strategi pihak polis untuk menangkap Omar.

[51] Keterangan SD2 telah dikemukakan bagi menyokong keterangan OKT tentang kewujudan Omar, barang kes dadah adalah bukan milik OKT dan ianya telah dijumpai di raga motorsikal OKT. SD2 memaklumkan beliau ditangkap polis di rumah Epi. Sejurus selepas tangkapan, SD2 telah digunakan oleh SP2 untuk menelefon Omar bagi menghantar barang dadah di rumahnya (tempat kejadian) kerana pihak polis merancang untuk menangkap Omar di tempat kejadian. SD2 mengesahkan beliau berada di tempat kejadian semasa pihak polis membuat serbuan ke atas OKT yang hadir menaiki motorsikal ke rumahnya untuk menghantar bungkusan plastik hitam yang dikirim oleh Omar. SD2 melihat SP2 dan pasukan serbuan mengelilingi OKT dan rampasan plastik hitam di dalam raga motorsikal OKT mendapati di dalamnya terdapat barang kes dadah. SD2 juga menegaskan bahawa OKT telah dijadikan kambing hitam dalam strategi polis untuk menangkap Omar yang akhirnya gagal apabila bukan Omar yang hadir menghantar barang kes dadah sebaliknya OKT yang hadir bertemu SD2.

[52] Mahkamah berpendapat pembelaan OKT berkenaan kewujudan Omar yang menyuruhnya menghantar bungkusan plastic hitam yang kononnya disokong oleh



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

keterangan SD2 yang beranggapan Omar yang akan menghantar barang dadah kepadanya adalah tidak benar disebabkan keterangan OKT dan SD2 adalah berdasarkan kepada keterangan dengar cakap (hearsay) daripada Omar yang tidak dikemukakan di mahkamah untuk mengesahkan keterangan yang diberikan oleh mereka. Maka, keterangan OKT dan SD2 sebegini tidak wajar mahkamah ini menerima masuk sebagai keterangan. Mahkamah berpendapat pembelaan ini adalah rekaan semata-mata oleh OKT untuk menafikan penglibatannya dengan barang kes dadah tersebut. Mahkamah berpendapat Omar adalah tidak wujud dan semasa kejadian OKT adalah seorang diri tanpa kehadiran SD2. Walaupun jika benar Omar wujud, Omar tersebut tidak berada di tempat kejadian dan tidak ada peranan dimainkan. Milikan dadah adalah dalam milikan sebenar OKT.

[53] Mahkamah ini merujuk kepada kes **TOBECHI CHINONSO MADU V. PP [2015] MLRAU 7** yang mana mahkamah telah membuat keputusan atas isu yang sama seperti berikut:

[15] As to the question of the role played by Ossy the only evidence before the court was the appellant's bare assertion that Ossy asked for his favour to carry the 27 boxes of soap. Other than that there is no evidence that Ossy even exists. There was this person by the name of Omatu Chine Ostia seated next to the appellant in the same flight but it was not established that Ossy and Omatu Chine Ostia are one and the same person.

[16] The mere fact that Ossy's name was mentioned during the police investigation is not evidence that Ossy actually exists. How were the police to investigate the existence of this person when the appellant did not even give his full name and his residential address? The poor investigating officer may end up chasing a wild goose. We therefore found no merit in the appellant's argument that the police's failure to investigate the existence of Ossy must be held against the prosecution.

[17] In any event, since the appellant had a legal burden to discharge (to disprove knowledge) it was his duty to call Ossy to give evidence and not for the police to investigate if it was true that Ossy had asked him to carry the soap boxes: Baharom v. PP [1960] 1 MLRA 359; [1960] 1 MLJ 249; Liew Siew & Anor v. PP [1969] 1 MLRH 549; [1969] 2 MLJ 232; Chu Tak Fai v. PP [1998] 2 MLRA 156; [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789. Hence, since Ossy was not called to give evidence there was no way the court could verify the truth of what Ossy told him at Lagos Airport. In fact the evidence is hearsay and inadmissible as the object was to prove the truth of what Ossy told him: Subramaniam v. PP [1956] 1 MLRA 59; [1956] 1 MLJ 220 PC.



[54] Mahkamah juga mendapati keterangan-keterangan OKT dan SD2 mengenai apa yang telah berlaku sebelum kejadian serbuan tidak pernah diletakkan kepada saksi-saksi pendakwaan. Fakta-fakta berikut tidak pernah dicadangkan pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan:

- i. SD2 telah dihubungi oleh Epi dan SD2 diminta oleh Epi untuk datang ke rumahnya di Jalan Maran bagi satu urusan berkaitan dengan Omar;
- ii. SD2 memaklumkan beliau ditangkap polis di rumah Epi kemudian beliau telah digunakan oleh SP2 untuk menelefon Omar;
- iii. Pada 15 September sekitar jam 4.00 petang sehingga 4.40 petang OKT telah dihubungi oleh Omar dan kemudian OKT telah terserempak dengan Omar yang mana Omar telah mendesak OKT menghantar bungkusan plastic hitam kepada SD2; dan
- iv. OKT telah mengenali Omar selama 3 tahun kerana Omar selalu datang melepak bersama OKT

[55] Semua fakta tersebut seperti di atas adalah pertama kali dibangkitkan semasa OKT dan SD2 memberi keterangan kes pembelaan. Mahkamah berpendapat jika perkara-perkara tersebut adalah penting kepada pembelaan, maka sepatutnya perkara-perkara tersebut dicadangkan kepada SP2 mahupun SP3 semasa pemeriksaan balas oleh peguambela. Sebarang pembelaan yang ingin dibangkitkan oleh OKT perlu dengan segera dikemukakan semasa kes pendakwaan. Jika ini gagal dilakukan, pembelaan OKT boleh diklasifikasikan sebagai tidak boleh dipercayai dan tidak dapat diterima serta gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[56] Selanjutnya, mahkamah berpendapat pembelaan OKT adalah penafian semata untuk menafikan keterangan yang mengaitkan pemilikan beliau dengan barang kes dadah tersebut. Keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan menunjukkan hanya OKT ditangkap oleh SP2 dan pasukannya di tempat kejadian dan OKT mempunyai milikan fizikal ke atas barang kes dadah tersebut apabila ianya dijumpai di dalam poket hadapan sebelah kanan seluar warna coklat jenama Edwin yang dipakai OKT. Penafian tersebut tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP2 ketua serbuan dan siasatan pegawai siasatan SP3 bahawa sebenarnya hanya OKT sahaja ditangkap dalam operasi di tempat kejadian tersebut. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan SP2 mendapati barang kes iaitu dua paket plastik lutsinar berisi ketulan dan serbuk disyaki dadah jenis syabu telah dijumpai di dalam poket seluar di bahagian hadapan sebelah kanan yang dipakai oleh OKT. Keterangan ini disokong dengan laporan polis yang dibuat SP2– P15.



[57] Mahkamah ini mendapati keterangan SD2 dan keterangan OKT adalah bercanggah berkenaan beberapa pekara penting. Pertama berkenaan pemakaian seluar warna coklat jenama Edwin oleh OKT yang mana diakui oleh OKT dipakai ketika beliau ditangkap namun pekara ini dinafikan oleh SD2 apabila beliau ditunjukkan dengan gambar seluar tersebut melalui eksibit P7. Keterangan bercanggah ini dilihat material kerana SD2 menegaskan beliau berada di tempat kejadian dan sempat berbual dengan OKT sebelum OKT diserbu oleh polis. Maka adalah mustahil pemakaian seluar OKT tidak dapat diingati sebaiknya oleh SD2. Kedua berkenaan barang kes dadah yang dikatakan OKT dibaluti dengan plastik hitam merujuk kepada Penyata Saksi OKT. Namun begitu apabila disoal balas tentang sifat dan rupa plastik hitam tersebut OKT mengatakan bahawa barang kes dadah diikat dalam plastik sampah yang mana tersasar dengan penyata saksinya. Selanjutnya SD2 pula menafikan apabila dicadangkan semasa pemeriksaan balas bahawa barang kes dadah adalah dibalut dalam plastik hitam seperti barangan pos dan plastik pasar yang mempunyai telinga.

[58] Sehubungan itu, mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa percanggahan keterangan-keterangan saksi pembelaan ini adalah disebabkan naratif kes pembelaan bersifat rekaan semata-mata maka keterangan yang konsisten adalah mustahil dapat dipertahankan oleh saksi-saksi pembelaan.

[59] Di samping itu, mahkamah mendapati pembelaan mengetengahkan naratif kes yang berlawanan dengan naratif kes pendakwaan maka pihak pembelaan memberi gambaran yang sebenarnya saksi-saksi pendakwaan berbohong semasa memberi keterangan di mahkamah dan telah menganiaya OKT. Ini berasaskan kepada keterangan mereka seperti yang berikut:

- i. OKT tidak pernah pada bila-bila masa memiliki barang kes dadah yang diletakkan di dalam poket seluar yang dipakainya semasa hari kejadian;
- ii. Barang kes dadah dibaluti dengan plastik hitam dan dijumpai oleh SP2 di dalam raga motorsikal yang dinaiki oleh OKT;
- iii. OKT tidak pernah pada bila-bila masa mengetahui kandungan bungkusan plastik hitam tersebut dan beliau hanya disuruh oleh Omar untuk menghantarnya kepada SD2 di rumah SD2;
- iv. Strategi polis untuk menangkap Omar yang mana SD2 telah digunakan oleh SP2 untuk menghubungi Omar untuk Omar datang ke rumah SD2 bagi urusan jual beli dadah; dan
- v. OKT telah dijadikan kambing hitam dalam strategi pihak polis untuk menangkap Omar yang akhirnya gagal apabila bukan Omar yang datang tetapi OKT.



[60] Mahkamah ini berpendapat tiada sebab untuk SP2 mereka-reka cerita bagaimana barang kes dadah dirampas daripada OKT. Sekiranya benar sepertimana yang dimaklumkan oleh SD2 bahawa Omar telah lama dalam pemerhatian polis tetapi masih gagal ditangkap polis. Maka mahkamah berpendapat SP2 tidak mempunyai apa-apa motif untuk memberi keterangan palsu bagi memperoleh sabitan ke atas OKT kerana subjek yang ingin ditangkap adalah Omar. Pemerhatian umum mahkamah adalah seseorang pegawai polis hanya menjalankan tugas rasmi yang diamanahkan. Tiada keterangan yang menunjukkan SP2 ataupun SP3 ingin menganiayai OKT kerana mereka tidak pernah kenal OKT sebelum tangkapan dibuat. Malah saksi-saksi ini telah mengekalkan naratif kes yang sama walaupun setelah disoal balas oleh peguambela.

[61] Tanpa sebarang keterangan yang boleh dipercayai bagi menunjukkan wujudnya sebarang dendam terhadap OKT sehingga polis sanggup mereka cerita dengan memberi keterangan tidak benar, mahkamah ini tidak boleh memberikan sebarang justifikasi bagi membuat dapatan bahawa SP2 mahupun SP3 tersebut telah mereka keterangan semata-mata untuk menganiayai OKT.

[62] Berkenaan isu ini mahkamah merujuk kepada kes **DICKSON LEVY A/L MARIA GEORGE V. PP [2018] MLRAU 49**, Mahkamah Rayuan membuat pemerhatian yang berikut mengenai keterangan anggota polis yang didakwa Perayu untuk menganiaya beliau:

[47] Also, there was no rhyme nor reason for the police officers in this case to frame up the appellant with the impugned drugs, as they were just performing their duty. (See the cases of Mohd Ali Jaafar v. PP [1998] 1 MLRH 671; [1998] 4 MLJ 210 and Goh Han Heng v. PP [2003] SGHC 226; [2003] 4 SLR 374).

[48] In Goh Han Heng v. PP (supra), Yong Pung How CJ (Singapore) had this to say -

"I disagreed with counsel. All that the passage means is that where the accused can show that the complainant has a motive to falsely implicate him, then the burden must fall on the prosecution to disprove that motive. This does not mean that the accused merely needs to allege that the complainant has a motive to falsely implicate him. Instead, the accused must adduce sufficient evidence of this motive so as to raise a reasonable doubt in the prosecution's case. Only then would the burden of proof shift to the prosecution to prove that there was no such motive. To hold otherwise would mean that the prosecution would have the burden of proving a lack of motive to falsely implicate the accused in literally every case, thereby practically instilling a lack of such a motive as a constituent element of every offence."

[49] The appellant failed to demonstrate to us any evidence to show that the police had harboured a motive to falsely implicate the appellant.



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[63] Oleh yang demikian, sekiranya pembelaan mencabar naratif pendakwaan secara khusus kepada penganiayaan oleh pihak polis, maka pembelaan perlu untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi mengenai motif sedemikian atau menunjukkan bahawa saksi polis menyimpan dendam terhadap OKT sehingga sanggup memberikan keterangan yang menganiaya OKT.

Keputusan Mahkamah

[64] Kesimpulan, setelah penilaian maksima dibuat di akhir kes pembelaan dan setelah meneliti segala keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak serta setelah memperhalusi hujahan-hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah mendapati bahawa pembelaan OKT tidak menimbulkan satu keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Selanjutnya pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah ke atas pertuduhan pindaan yang dipinda mahkamah. Maka, mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan ke atas pertuduhan pindaan tersebut.

ALASAN HUKUMAN

[65] Setelah menimbangkan hujahan peringanan hukuman pihak pembelaan dan hujahan pemberatan pihak pendakwaan, maka mahkamah ini menjatuhkan hukuman penjara 4 tahun penjara dari tarikh sabitan dan 4 sebatan. Berikut merupakan faktor-faktor yang diambil kira mahkamah ini dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya kepada OKT.

[66] Faktor **kepentingan awam** adalah faktor penting yang perlu diambil kira Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman bagi sesuatu kes. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna Mahkamah akan mengabaikan kepentingan OKT. Kaedah yang wajar digunakan Mahkamah adalah membuat imbangan di antara kepentingan awam dan kepentingan OKT dalam menentukan hukuman yang berpatutan sepertimana yang diputuskan dalam kes **PP V MD RASHID HARUN [2000] 3 CLJ 832**.

[67] Kembali kepada kes ini, hukuman 4 tahun penjara dari tarikh sabitan dan 4 kali sebatan yang dijatuhkan terhadap OKT adalah tidak keterlaluan beratnya dan masih dalam ruang lingkup hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan. Malah, hukuman tersebut juga tidak terlalu ringan mengambil kira kepentingan awam yang perlu diutamakan mewajarkan hukuman berat dikenakan ke atas pesalah bagi kes sebegini. Pada peringkat ini, mahkamah sedar bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan dan masih giat dijalankan oleh pelbagai pihak bagi membanteras masalah penyalahgunaan dadah di kalangan rakyat



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

negara ini agar masalah ini tidak menyebabkan kerosakan teruk kepada keharmonian kehidupan masyarakat yang sejahtera. Namun begitu mahkamah turut sedar hukuman tirai besi yang panjang juga bukanlah satu-satunya kaedah terbaik dalam membentaras masalah penagihan dadah di negara ini.

[68] Pemerhatian umum Mahkamah ini terhadap jumlah pendaftaran kes yang amat tinggi iaitu hampir mencecah 1200 kes setakat bulan Ogos tahun 2022 bagi pertuduhan kes-kes narkotik di Daerah Temerloh dan Bera dalam negeri Pahang Darul Makmur, maka adalah wajar bagi Mahkamah ini memandang berat terhadap kes sebegini. Mahkamah merujuk kes **PUBLIC PROSECUTOR V YAP KIM WANG [2016] 2 MLJ 402**; diputuskan seperti berikut:

We were in full agreement with the learned DPP. We were all on common ground that the offences committed by the respondent were indeed serious and prevalent. Much has been done by the powers that-be to stem the scourge but nevertheless, there is no sign of its abatement. The position is best stated by His Lordship, Mohd Zawawi Salleh JCA, in Public Prosecutor v Ling Leh Hoe [2015] MLJU 1006; [2015] 4 CLJ 869, in the following terms:

“abuse of dangerous drugs is a scourge to our society leading to many spinoff incidences of criminal behaviour. It is a purveyor of death. Therefore, one could hardly deny that drug offenders are a threat to our society from which we must be protected, sometimes by means of lengthy custodial sentence.”

[69] Bersandarkan kepada nas kes tersebut mahkamah berpendapat kepentingan awam perlu dititik berat melebihi kepentingan peribadi OKT sendiri. Hukuman penjara 4 tahun dan 4 kali sebatan yang dijatuhkan dalam kes ini adalah berpatutan. Adalah menjadi keutamaan mahkamah ini untuk menjatuhkan hukuman yang berbentuk pencegahan supaya OKT mahupun masyarakat tidak akan terjebak lagi dengan najis dadah yang jelas sangat berleluasa di daerah Temerloh dan Bera.

[70] Selain itu, mahkamah juga mempertimbangkan faktor **berat dadah** dalam menjatuhkan hukuman terhadap OKT. Faktor berat dadah terlibat adalah faktor yang relevan yang perlu dipertimbangkan. Mahkamah merujuk kepada kes **CHA SIANG HOCK V PP [2018] MLRAU 123** yang memutuskan bahawa:

The learned judge had correctly taken into account the cumulative quantity of the impugned drugs involved which was substantial and His Lordship had also considered the rampancy of the offence in this country in holding that the offence for which the appellant was charged called for a deterrent sentence to be imposed.



[71] Selanjutnya, mahkamah merujuk kes **MOHAMAD ABDULLAH ANG SWEE KANG V. PP [1987] 2 CLJ 405** yang menyatakan **trend penghukuman** merupakan faktor yang relevan dalam memutuskan hukuman yang berpatutan terhadap OKT seperti berikut:

In assessing the length of custodial sentence, the Court must look at the overall picture in perspective by considering firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[72] Sehubungan itu, mahkamah ini menjalankan penyelidikan berkenaan trend semasa hukuman bagi kesalahan hukuman di bawah Seksyen 39A (1) ADB 1952 melibatkan dadah jenis Methamphetamine seperti berikut:

- a) PP v CAWTHAMEN MATHEVAN [2021] 1 LNS 728 – Penjara 3 tahun dan 3 sebatan (11.3 gram Methamphetamine)
- b) MOHD ASMAWI MD DESA v PENDAKWA RAYA & KES YANG LAIN [2018] MLRAU 390 – Penjara 3 tahun 4 sebatan (10 gram Methamphetamine)
- c) PENDAKWA RAYA v GOPI KUMAR A/L SUBRAMANIAM [2018] MLJU 144 – Penjara 4 tahun dan 5 sebatan (16.20 gram Methamphetamine)
- d) PENDAKWA RAYA v G. VASAN A/L GUNASEGARAN [2016] MLJU 1379 – Penjara 4 tahun dan 4 sebatan (9.28 gram Methamphetamine)

[73] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah, jumlah berat bersih dadah Methamphetamine adalah 10.66 gram yang mana jumlahnya adalah dua kali ganda dengan berat minima di bawah Seksyen 39A(1) iaitu 5 gram. Bersandarkan kepada trend penghukuman seperti yang dinyatakan di atas dan mengambil kira berat dadah terlibat dalam kes ini, mahkamah berpendapat hukuman penjara 4 tahun dari tarikh sabitan dan 4 sebatan tidaklah keterlaluan dan memadai dengan kesalahan yang dilakukan.

[74] Selain itu, undang-undang mantap menetapkan bahawa **rayuan mitigasi OKT** juga perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya dan tidak boleh diketepikan tanpa pertimbangan oleh Mahkamah sepertimana yang diputuskan dalam kes **RAJA IZZUDDIN SHAH V PUBLIC PROSECUTOR [1979] 1 MLJ 270**. Kembali kepada kes ini, rayuan mitigasi OKT adalah semasa kejadian OKT berumur 25 tahun dan kini berumur 27 tahun. OKT adalah penanggung tunggal keluarga yang mana menanggung kedua-dua ibu bapa. OKT bekerja sambilan di bengkel motor. OKT kini menginsafi diri atas apa yang telah terjadi dan tidak akan mengulangi kesalahan tersebut lagi.



[75] Seterusnya, mahkamah ini mempertimbangkan bahawa OKT adalah **pesalah pertama** sebelum menjatuhkan hukuman. Pendakwaan tidak mengemukakan sebarang keterangan bagi membantah fakta ini. Mahkamah mengambil maklum bahawa pertimbangan terhadap OKT yang merupakan pesalah pertama turut menyumbang kepada peringanan sesuatu hukuman.

[76] Sebagai tambahan, mahkamah turut mengambil kira bahawa sabitan ke atas OKT telah melalui satu perbicaraan penuh yang mana keseluruhan prosiding telah menelan kos yang banyak dan masa yang agak lama iaitu melebihi dua tahun. Kes ini juga telah melibatkan 3 saksi pendakwaan dan 2 saksi pembelaan dipanggil memberi keterangan. Pada hemat mahkamah, OKT tidak layak untuk menikmati diskaun yang dibenarkan oleh undang-undang sepertimana jika OKT mengaku bersalah.

[77] Akhir kata, mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara 4 tahun dari tarikh sabitan dan hukuman 4 kali sebatan adalah memadai dan berpatutan dalam kes ini di mana Mahkamah telah mengambil kira kesemua faktor mitigasi dan pemberat dengan sewajarnya. Keputusan tersebut adalah sentiasa berlandaskan kepada prinsip undang-undang mantap.

[78] Usai mahkamah ini menjatuhkan hukuman ke atas OKT, seterusnya peguambela memohon secara lisan penggantungan perlaksanaan hukuman. Mahkamah mendengar pihak-pihak berhujah secara lisan berkenaan permohonan tersebut.

[79] Undang-undang mantap adalah suatu keputusan mahkamah akan atau telah dirayu bukan secara automatik membolehkan mahkamah memerintahkan penggantungan perlaksanaan hukuman. OKT perlu menunjukkan terdapatnya keadaan khas bagi menjustifikasikan permohonan tersebut. Pekara ini dijelaskan dalam kes **SHARMA KUMARI A/P OAM PRAKASH v PP [2000] 6 MLJ 282** iaitu:

Obviously, the court or judge has a discretion. In my view stay of execution should not be granted and will not be granted by me unless there are special reasons for so doing, and mere fact that a notice of appeal has been given is no sufficient reason...

It is also well to remember that in an application for a stay of sentence pending appeal, there is no guarantee the appeal will be successful, and the application is made in the shadow of a judgment of a court. Section 114 illustration (e) of the EA 1950 allows a court to presume that judicial acts have been regularly performed. Thus unless, it is set aside by a successful appeal, that judgment remains valid and in force. In such the burden is clearly upon the applicant to show that there are good grounds why stay ought to be granted



against that court's order. It is not a burden that is lightly discharged by assertions not backed up or supported by evidence.

[80] Mahkamah ini turut mengambil panduan kes **ROHADI SABTU v PP [2007] 10 CLJ 733** dan kes **DATO SERI ANWAR IBRAHIM v PP [2004] 1 MLRA 8** yang mana Mahkamah dalam kes-kes tersebut telah memutuskan berkenaan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan mahkamah dalam membenarkan permohonan penggantungan pelaksanaan hukuman.

[81] Setelah memperhalusi hujahan pihak-pihak maka mahkamah memutuskan bahawa permohonan penggantungan pelaksanaan hukuman adalah ditolak berlandaskan alasan-alasan berikut:

- i. Fakta bahawa notis rayuan akan difailkan tidak dengan sendirinya menggantung pelaksanaan sesuatu hukuman. OKT perlu menunjukkan kebarangkalian kejayaan di peringkat rayuan terutamanya mahkamah ini telah membacakan alasan-alasan untuk mensabitkan OKT dan alasan-alasan dalam menjatuhkan hukuman semasa keputusan diberikan. Dalam kes ini, OKT gagal menunjukkan sebarang kebarangkalian kejayaan.
- ii. Mahkamah mempertimbangkan faktor tempoh masa yang akan diambil untuk rayuan dilupuskan berbanding tempoh pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah. Dalam kes ini, OKT telah dijatuhkan hukuman penjara 4 tahun dari tarikh sabitan manakala hukuman 4 sebatan akan digantung pelaksanaannya secara automatik berdasarkan Seksyen 311 KTJ. Mahkamah ini telah menyediakan alasan penghakiman dan nota keterangan pada tarikh hukuman dijatuhkan maka rayuan OKT boleh didengar dan diputuskan dengan segera berbanding tempoh masa hukuman penjara 4 tahun tersebut.
- iii. Kehadiran OKT ke mahkamah merupakan faktor yang relevan namun ianya merupakan faktor kecil dalam pertimbangan permohonan ini.
- iv. Memandangkan OKT telah disabitkan oleh mahkamah ini, maka anggapan bahawa OKT adalah tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya adalah tidak terpakai. Kesalahan memiliki dadah adalah kesalahan serius dan sangat berleluasa di daerah Temerloh dan Bera maka kepentingan awam memerlukan penghakiman tersebut dikuatkuasa untuk memastikan harapan dan keyakinan masyarakat terhadap pentadbiran keadilan kepada institusi kehakiman adalah terpelihara dengan baik.




S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Bertarikh 29 Ogos 2022

Disediakan oleh,

A handwritten signature in blue ink, consisting of a large, sweeping loop followed by the initials 'SA'.

(SITI HAJAR BINTI ALI)

Majistret

Mahkamah Majistret Temerloh



S/N sOtGyRkATEed4qB6O7rF5A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal